

# **JMS 321 – SEJARAH ASIA BARAT**

## **TOPIK 1: PENGENALAN SEJARAH ASIA BARAT**

### **PENGENALAN**

Semenanjung Arab mencakupi Tengah dan Selatan kawasan Asia Barat. Dikelilingi dengan Teluk Parsi di Timur, Laut Merah di Barat dan Laut Arab di Selatan. Di bahagian Utara, ia disempadani dengan Jordan, Syria dan Iraq. Mengikut pembahagian dahulu, Semenanjung Arab terbahagi kepada wilayah Hijaz, Najd, Arab Timur dan Arab Selatan. Wilayah Hijaz dan Najd merupakan bahagian terbesar Semenanjung Arab yang kini berada di bawah pemerintahan Arab Saudi. Mengikut peta politik terkini, Semenanjung Arab terdiri daripada Arab Saudi, Qatar, UAE, Bahrain, Kuwait, Oman dan Yaman. Sebahagian Selatan Jordan dan Iraq juga termasuk dalam Semenanjung Arab. Walaupun Negara Arab hari ini terdiri dari 22 buah negara berdasarkan negara dalam Liga Arab, tetapi kaum Arab sebenar berdasarkan darah adalah merujuk kepada Bangsa Arab yang tinggal di Semenanjung Arab sahaja. Bangsa Arab di negara lain berasimilasi kemudian selepas pembukaan Islam dan diperintah oleh Gabenor-gabenor berbangsa Arab.

### **SEJARAH TANAH ARAB**

Justeru memahami kedudukan Tanah Arab yang merupakan satu semenanjung yang berkeluasan antara sejuta batu persegi sehingga 1,300,000 juta batu persegi amatlah penting. Tanah Arab merupakan sebuah semenanjung tetapi lebih dikenali juga sebagai Jaziratul Arab yang bermakna kepulauan Arab. Malah ada yang menyebutnya sebagai Shibhul Jazirah (Pulau Semenanjung). Ini kerana Tanah Arab ini dikelilingi dengan tiga lautan, menyebabkan ada yang memanggil Tanah Arab ini sebagai pulau. Kalau diperhatikan, Jazirah Arab itu berbentuk semenanjung yang berbentuk empat persegi yang setiap sisinya tidak sama atau tidak sejajar.

### **KEDUDUKAN GEOGRAFI**

Di sebelah barat bersempadan dengan Laut Merah, di sebelah selatan dengan Laut Arab dan Lautan Hindi, di sebelah timur dengan Teluk Arab (dahulu dikenali namanya Teluk Persia atau Parsi) dan hanya disebelah utaranya di sebelah utara dengan Gurun Iraq dan Gurun Syam (Gurun Syria). Kedudukan unik Semenanjung Arab ini memberikan banyak keistimewaan apabila menjadi laluan penting bagi menghubungkan benua ke benua, sama ada dari darat mahupun laut. Bahagian barat lautnya menjadi penghubung ke benua Afrika manakala barat dayanya menjadi laluan ke benua Eropah. Bahagian timurnya, terutama melalui jalan darat dan laut untuk ke Timur

Tengah dan Timur Jauh termasuk Asia Tenggara. Maka tidak menghairankan jika kita mendapati zaman sebelum kelahiran Rasulullah menyaksikan Tanah Arab telah mempunyai kehidupan yang aktif. Begitupun faktor geografi Semenanjung Arab telah berjaya membebaskan mereka dari sebarang penjajahan sehinggalah pada detik hari ini. Walaupun diapit oleh dua kuasa dunia, iaitu empayar Rom dan Parsi namun kedudukan geografi yang hanya dipenuhi belantara padang pasir Berjaya menjadi tembok penghalang kepada sebarang gerakan penjajahan.

## **PENDUDUK AWAL**

Pada bab pertama buku Sirah Nabawiyah, pembaca akan dijelaskan mengenai sejarah bangsa Arab, penduduk yang menghuni Semenanjung Arab mengikut salasilah asal kelahiran bangsa tersebut. Pada asasnya, bangsa Arab merupakan golongan semitik yang paling besar di dunia sebagai menyangkal tuduhan bahawa bangsa Arab mengamalkan dasar anti semitik sedangkan pada hakikat sejarahnya kesemua mereka berketurunan dari Sam bin Noh (anak cucu keturunan Nabi Allah Adam). Daripada ketiga-ketiga jenis bangsa Arab telah melahirkan pelbagai jenis puak dan kaum yang menghuni seluruh pelosok semenanjung Arab. Ini membawakan kepada jurai keturunan kepada baginda Rasulullah SAW dan jurai keturunan kepada penduduk asal Mekah yang dikenali sebagai puak Jurhum. Jika dikirakan terdapat beratus-ratus kaum dan puak Arab yang lahir dari tiga kumpulan Arab yang utama ini. Setiap dari mereka dapat dikenalpasti keturunan asal masing-masing ini termasuklah Bangsa Arab Aribah misalnya melahirkan dua kabilah utama iaitu Himyar dan Kahlan. Namun menyaksikan persaingan sesama mereka membawa kepada usir mengusir antara satu sama lain. Puak Kahlan yang terusir dari Yaman setelah dikuasai oleh Himyar kemudiannya bertebaran ke kawasan lain dari empat kumpulan yang lahir puak ini, iaitu Al Azd, Lakh (dan Judham), Bani Tayyyi dan Kindah.

## **ZAMAN JAHILIAH**

Perkataan Jahiliah berasal daripada perkataan dalam bahasa arab, jahala yang bermaksud jahil dan tidak mengetahui atau tidak mempunyai ilmu pengetahuan. Istilah ini telah digunakan oleh orang islam untuk menggambarkan perubahan yang dibawa oleh islam dalam corak kehidupan dan pemikiran masyarakat. Masyarakat Arab Jahiliah pula ialah masyarakat yang hidup di Semenanjung Tanah Arab dalam jangka masa selepas runtuhnya Empangan Maarib di Sabak. Jangka masa Zaman Jahiliah ini adalah lebih kurang 310 tahun, iaitu dari tahun 300 M hingga 610 M. seperti yang ditunjukkan dalam carta masa dibawah. Masyarakat Arab ini digelar sebagai masyarakat arab jahiliah kerana mereka tidak mengikut ajaran para nabi dan rasul sebelumnya seperti Nabi Sulaiman, Nabi Ibrahim, Nabi Ismail, Nabi Musa, Nabi Isa dan lain-lain.

## Ciri-Ciri Jahiliah

Secara umum, masyarakat Arab Jahiliah boleh dikategorikan kepada dua golongan, iaitu masyarakat Badwi dan masyarakat Hadari. Masyarakat Badwi tinggal di kawasan gurun dan pedalaman, iaitu di bahagian tengah Semenanjung Tanah Arab. Masyarakat Hadari pula menetap di kawasan persisir pantai Semenanjung Tanah Arab. Oleh sebab kawasan penempatan mereka berbeza, maka, secara tidak langsung, cara hidup dan pencapaian masyarakatnya juga berbeza. Ciri-ciri kehidupan masyarakat Arab Jahiliah dapat dilihat dari segi agama, sosial, ekonomi, kepercayaan dan nilai hidup yang dipegang.

Masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan perbuatan yang tidak bermoral seperti berjudi, berzina dan meminum arak. Mengikut fahaman mereka, seseorang lelaki yang meminum arak sehingga mabuk, menunjukkan mereka telah sempurna seperti lelaki. Kedudukan wanita dalam masyarakat pula adalah rendah, sehinggakan mereka tidak dapat mewarisi harta pusaka tinggalkan ibubapa mereka. Terdapat di kalangan mereka yang menanam bayi perempuan sejurus selepas lahir. Pembunuhan terhadap bayi perempuan ini dilakukan kerana mereka beranggapan anak perempuan akan menjatuhkan maruah keluarga. Dalam soal perkahwinan pula, tidak ada peraturan khusus yang boleh dijadikan panduan oleh masyarakat. Seseorang lelaki boleh berkahwin dengan beberapa orang wanita sekaligus atau dengan sesiapa yang disukainya.

Aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh para pedagang berasaskan riba dan penindasan. Sikap para peniaga pula lebih mementingkan keuntungan semata-mata. Kegiatan merompak dan merampas barangan daripada kafilah di padang pasir juga merupakan punca mata pencarian masyarakat Arab Jahiliah. Merompak dikatakan sebagai kewajipan yang harus dilakukan oleh setiap individu dalam setiap kabilah. Selain itu, eksploitasi golongan kaya terhadap golongan miskin merupakan amalan biasa yang dilakukan oleh orang berada.

Terdapat empat bentuk kepercayaan agama dalam masyarakat Arab Jahiliah, iaitu agama wathani (menyembah berhala), animisme (memuja alam seperti pokok), samawi (kristian dan yahudi) dan kepercayaan khurafat (seperti menilik nasib, sihir dan mempercayai roh orang mati menjadi burung.) Berdasarkan catatan Al-Quran terdapat sebilangan kecil masyarakat Arab Jahiliah menganut agama hanif. Setelah kira-kira 3500 tahun, penganut agama hanif telah melupakan ajaran ini secara beransur-ansur. Terdapat juga di kalangan mereka yang mencampuradukkan ajaran agama hanif dengan amalan tradisi masyarakat Arab Jahiliah.

Masyarakat Arab Jahiliah mengamalkan sistem kabilah yang berasaskan cara hidup berpuak-puak dan berkelompok. Dalam sesebuah kabilah, ahlinya terdiri daripada suku tertentu dan mereka tinggal dalam sebuah kawasan. Setiap kabilah mempunyai identiti dan peraturannya

sendiri sementara ahli kabilah pula sangat taksab dan fanatik terhadap kabilah masing-masing. Sesuatu kabilah diketuai oleh seorang Syeikh yang juga merupakan lambang perpaduan kaum mereka. Pelantikan syeikh dalam sesebuah kabilah adalah berdasarkan syarat-syarat tertentu. Antaranya, bakal syeikh tersebut mestilah disukai oleh ahli kabilah dan dilantik atas persetujuan ramai. Beliau juga mestilah berfikiran matang, gagah, berani, dan pandai berpidato.

Amalan sistem kabilah ini telah mendatangkan kesan yang negatif kepada masyarakat Arab Jahiliah. Kesan utamanya ialah kemunculan semangat assabiah atau semangat kesukuan yang melampau dan tercetusnya berperangan dikalangan masyarakat. Kemunculan semangat assabiah ini berpunca daripada struktur Sistem Kabilah yang berasaskan keturunan. Dalam sistem kabilah setiap puak tinggal dalam kelompok masing-masing dan mereka terikat pada peraturan yang telah ditetapkan oleh kabilah mereka. Keadaan ini telah menimbulkan perasaan kesukuan yang menebal di kalangan ahli kabilah. Mereka juga sanggup menuntut bela demi mempertahankan maruah diri dan kabilah mereka.

Selain itu, kemunculan sifat ini juga berkait rapat dengan keadaan geografi dan suasana tempat tinggal mereka yang panas dan kering kontang. Untuk meneruskan kehidupan, sesuatu kelompok kabilah Arab Jahiliah terpaksa mengatasi masalah yang dihadapi secara bersama. Sifat kesukuan yang menebal ini menjadikan kehidupan hidup masyarakat Arab Jahiliah kucar-kacir dan tidak aman. Perkara ini sering kali menjadi punca persengketaan di kalangan masyarakat Arab Jahiliah.

Perperangan antara satu kabilah dengan satu kabilah yang lain akan berlaku walaupun atas sebab yang kecil. Perperangan al-Basus memperlihatkan sikap orang Arab Jahiliah yang suka berperang sesama sendiri. Apakah yang akan terjadi jika semangat assabiah menebal dikalangan masyarakat yang berbilang kaum di negara kita? Malaysia, Sebagai sebuah negara berbilang kaum, kita harus mengekalkan persefahaman yang telah sedia wujud di negara kita demi perpaduan masyarakat. Dengan semangat perpaduan dan persefahaman ini, maka usaha-usaha kearah pembangunan negara akan berhasil.

## **ZAMAN PERKEMBANGAN ISLAM**

Semenanjung Arab sebelum kedatangan Islam merupakan sebuah kawasan yang tidak maju. Kebanyakan orang Arab merupakan penyembah berhala dan ada sesetengahnya merupakan pengikut agama Kristian dan Yahudi. Mekah ialah tempat suci bagi bangsa Arab ketika itu kerana di situ terdapatnya berhala-berhala agama mereka dan juga terdapat Telaga Zamzam dan yang paling penting sekali Kaabah.

Nabi Muhammad dilahirkan di Makkah dalam Tahun Gajah iaitu pada tanggal 12 Rabiulawal bersamaan 20 April 570 masihi . Baginda merupakan seorang anak yatim apabila ayahnya Abdullah bin Abdul Muttalib meninggal semasa beliau masih dalam kandungan dan emaknya Aminah binti Wahab meninggal dunia semasa beliau berusia 6 tahun. Kemudian beliau dijaga oleh datuknya Abdul Muthalib. Setelah datuknya meninggal baginda dijaga pula oleh pakciknya iaitu Abu Talib. Baginda kemudiannya berkahwin dengan Siti Khadijah semasa beliau berusia 25 tahun dan menjalani kehidupan yang selesa dan aman. Baginda pernah menjadi penggembala kambing. Selain itu baginda seorang yang sangat amanah semasa bekerja bersama Khadijah dalam menjalankan perniagaan wanita yang terhormat itu.

Baginda pernah diangkat menjadi hakim. Baginda tidak menggemari suasana Mekah yang penuh dengan masyarakat yang mempunyai masalah sosial yang tinggi. Selain dari memperdagangkan berhala, masyarakat Jahilliah turut menanam bayi-bayi perempuan. Baginda banyak menghabiskan masa mencari ketenangan digua Hira'. Sehingga ketika Muhammad berusia 40 tahun, baginda telah didatangi oleh Malaikat Jibril. Selepas beberapa ketika baginda mengajar ajaran Islam secara tertutup kepada rakan-rakan terdekatnya dan seterusnya secara terbuka kepada seluruh penduduk Mekah.

Pada tahun 622 masihi, baginda dan pengikutnya berhijrah ke Madinah. Peristiwa ini dipanggil Hijrah. Semenjak daripada peristiwa itu bermulalah Kalendar Islam. Mekah dan Madinah kemudiannya berperang. Nabi Muhammad memenangi banyak pertempuran walaupun ada di antaranya jemaah Islam yang tewas. Lama-kelamaan orang-orang Islam membentuk kesatuan komuniti Islam dan menjadi kuat serta berjaya membuka Kota Mekah. Selepas kewafatan Nabi Muhammad, seluruh Semenanjung Arab di bawah kepimpinan orang-orang Islam.

## **KEPIMPINAN NABI MUHAMMAD SAW**

Sebagai Pemimpin Masyarakat

Sudah terkenal sebagai pemimpin yang dihormati sebelum menjadi Rasul lagi. Baginda berjaya menyatukan semula masyarakat Madinah yang berbilang agama dan kaum. Menyuruh supaya bekerjasama & memikul tanggungjawab yang ada dalam Piagam Madinah. Hormati prinsip kebebasan beragama dan mengekalkan struktur masyarakat. Ketua suku kaum diberikan peranan khusus untuk kendalikan anggota suku kaum masing-masing. Kepimpinan baginda terserlah dan telah timbulkan perasaan curiga Musyrikin Makkah.

### Sebagai Pemimpin Politik & Perancang Ekonomi

Kepimpinan politik Rasulullah terserlah apabila berjaya selesaikan pemindahan Hajar al-Aswad. Tidak menunjukkan permusuhan dengan kaum Yahudi sebaliknya sering adakan rundingan. Menghantar wakil diplomat ke Habsyah, Mesir, Byzantine dan Parsi untuk menyebarkan Islam. Memperkenalkan sistem musyawarah dan dilaksanakan dalam semua bidang. Dalam aspek ekonomi, baginda menggalakan umat Islam terlibat dalam perniagaan dan pertanian. Tidak melibatkan aktiviti riba sebaliknya membayar zakat setelah cukup syaratnya. Membangunkan ekonomi Islam dengan mengusahakan tanah yang terbiar. Menyekat monopoli aktiviti perdagangan kaum Quraisy antara Makkah, Madinah & Syam.

### Sebagai Pemimpin Tentera

Rasulullah memperlihatkan mutu kepimpinan yang tinggi dalam ketenteraan. Asas kepimpinan adalah berdasarkan akidah, syariat dan akhlak yang mulia. Mengikut batas dan peraturan yang telah disyariatkan oleh Allah SWT. Antaranya ialah tidak memerangi orang lemah, orang tua, wanita, kanak-kanak dan yang tiada senjata. Menunjukkan perasaan berperikemanusiaan dengan memulangkan semula harta benda yang ditawan. Tindakan yang diambil oleh baginda telah memikat hati musuh dan terus memeluk Islam. Mengamalkan sifat amanah dan bersikap adil tidak kawan atau lawan. Keadilan kepada kawan adalah membahagikan harta rampasan perang dengan sama rata. Keadilan kepada lawan pula ialah tidak mengejar musuh yang sudah lari dari medan perang. Baginda merupakan pakar dalam strategi perang dan terbukti dalam perang Badar, Khandak dan Taif.